

14/08/1999

335 syarikat jayakan ekspo

Azli Ayob; Habsah Dinin

EXPO Cintai Malaysia 99, yang menjadi pameran perdagangan dan barangan buatan Malaysia terbesar di negara ini, dijangka menerima 800,000 pengunjung sepanjang 10 hari diadakan bermula semalam.

Acara itu yang akan dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini menerima penyertaan 335 syarikat tempatan dengan sebanyak 610 ruang pameran.

Pengerusi Jawatankuasa Penganjur, Kerk Loong Sing, berkata, pelbagai jenis barangan buatan Malaysia akan dipamerkan dan beberapa program menarik disediakan kepada pengunjung.

Pameran yang berlangsung di Pusat Pameran Mines, Seri Kembangan itu dianjurkan Dewan Perniagaan dan Industri Cina Kuala Lumpur dan Selangor dengan kerjasama Pusat Pameran Mines.

Organisasi media tempatan turut memberi sokongan dan kerjasama manakala beberapa agensi kerajaan dan badan berkanun mempunyai ruang pameran tersendiri.

Ekspo berkenaan memberi peluang kepada orang ramai mendapatkan barangan buatan Malaysia pada harga menarik dan berpatutan.

Antara program yang diatur untuk orang ramai termasuklah pertandingan memasak, persembahan oleh artis tempatan, kuiz, demonstrasi mengukir ais dan pelancaran produk baru.

Pameran dibuka dari 11 pagi hingga 10.30 malam dan masuk adalah percuma.

Tahun lalu, di sebalik kegawatan ekonomi, ekspo selama 10 hari berjaya menarik 586,000 pengunjung yang melawat 442 ruang pameran dan mencatat urus niaga bernilai RM20 juta.

Pada tahun ini pihak penganjur menyediakan satu peraduan menarik kepada pengunjung iaitu dengan meneka nilai hamper gergasi yang mengandungi pelbagai barangan buatan tempatan.

Pengunjung yang berjaya meneka dengan tepat nilai harga barangan di dalam hamper berkenaan boleh membawa pulang ke semua barangan dalam hamper itu.

(END)